

1.0 PENDAHULUAN DAN PANDUAN PENGGUNAAN

1.1 TUJUAN

1.1.1 Tujuan buku ini dikeluarkan adalah untuk memberikan maklumat berkenaan dengan kos bagi melaksanakan kerja-kerja Jabatan Pengairan dan Saliran. Maklumat-maklumat kos ini boleh digunakan sebagai panduan untuk menyediakan anggaran kos, membuat pelarasan kadar harga atau untuk tujuan perundingan kadar harga.

1.2 KANDUNGAN

1.2.1 Maklumat-maklumat yang terkandung di dalam buku ini adalah berdasarkan kepada dokumen-dokumen tender bagi kerja-kerja Jabatan Pengairan dan Saliran yang pada amnya adalah terdiri dari:

- i) Kerja-kerja Saliran dan Tebatan Banjir
- ii) Kerja-kerja Kejuruteraan Pantai
- iii) Kerja-kerja Kejuruteraan Sungai

1.2.2 Maklumat-maklumat ini disusun dalam empat (4) bahagian utama iaitu;

- i) Kos Kerja-kerja Am (General Items)
- ii) Kos Item-item Kerja
- iii) Kos Upah Buruh
- iv) Kos Sewa Loji & Peralatan

- 1.2.3 Maklumat-maklumat kos ini juga dibahagikan mengikut kategori kawasan di mana projek tersebut dilaksanakan iaitu seperti berikut:

<u>KATEGORI KAWASAN</u>	<u>NEGERI</u>
Kawasan Utara	- Perlis - Kedah - Pulau Pinang - Perak
Kawasan Tengah	- Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur - Selangor - Negeri Sembilan - Melaka - Johor
Kawasan Timur	- Pahang - Terengganu - Kelantan

1.3 SUMBER MAKLUMAT / PEMILIHAN SAMPEL

- 1.3.1 Data-data di dalam buku ini adalah diabstrak dari dokumen-dokumen tender secara konvensional bagi projek yang dilaksanakan dalam tahun 2013 daripada tender yang ditutup di Ibu Pejabat Jabatan Pengairan Dan Saliran Malaysia.

- 1.3.2 Kadar harga diambil daripada dokumen tender yang disediakan berasaskan kepada senarai kuantiti.

1.4 ANALISA DAN SUSUNAN DATA

- 1.4.1 Data-data bagi item yang serupa dikumpulkan dan dijadikan dalam bentuk purata. Data-data yang terlalu tinggi atau rendah tidak diambilkira.

1.4.2 Melalui penganalisaan tersebut adalah didapati wujudnya ketidakseragaman di dalam penyediaan dokumen tender/tawaran, samada dari segi pengukuran kuantiti dan keterangan kerja bagi beberapa item kerja. Sehubungan dengan itu, item-item yang serupa/hampir serupa telah dikumpulkan bersekali dan diberikan didalam bentuk purata. Pertimbangan tidak diberikan bagi cara pengukuran yang berbeza bagi satu-satu item kerja yang sama.

1.4.3 'Harga Purata' bagi sesuatu kawasan diperolehi berdasarkan kepada jumlah nilai data-data kos bagi sesuatu item kerja dan dibahagikan kepada bilangan sampel yang diambil bagi kawasan berkenaan.

1.4.4 Purata keseluruhan adalah berdasarkan kepada nilai purata bagi semua kawasan.

1.5 PEMAKAIAN DATA

1.5.1 Data-data di dalam buku ini hendaklah digunakan sebagai panduan sahaja.

1.5.2 Pengguna hendaklah menggunakan budibicara bagi memilih kos yang bersesuaian dengan berdasarkan kepada;

- i) Nilai kontrak
- ii) Keperluan spesifikasi
- iii) Cara pengukuran bagi projek yang akan dilaksanakan
- iv) Lokasi projek
- v) Keadaan pasaran semasa